



# LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

## BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA

TINGKAT 17, IBU PEJABAT JKR  
KOMPLEKS KERJA RAYA MALAYSIA  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50580 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Certified to ISO 9001 : 2008  
Cert. No. : AR 2227

YANG DIPERTUA:  
Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim

PENDAFTAR:  
Ir. Hizamul-din bin Ab. Rahman

SETIAUSAHA:  
Ir. Ruslan bin Abdul Aziz

Ruj. Kami: BEM/SOF/01 Jld5  
Tarikh: 11 Februari 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan,  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan.

YBhg. Tan Sri /Dato'/Tuan/Puan,

### **PENGUNAAN SKALA FI BIDANG KEJURUTERAAN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN**

Dengan hormatnya dirujuk perkara tersebut diatas dan dimaklumkan bahawa Lembaga Jurutera Malaysia telah menerima banyak pertanyaan dari jurutera perunding berhubung penguatkuasaan *Scale of Fees (Revised 1998)* dalam melaksanakan projek-projek kerajaan.

2. Jurutera Perunding sering menghadapi masalah dalam tuntutan bayaran perkhidmatan mereka. Salah satu isu adalah kos bagi kerja-kerja '*Preliminaries*'. Sukacita Lembaga Jurutera Malaysia menjelaskan seperti berikut -

*"Cost of Preliminaries and General Conditions are normally priced in the Bills of the Tender or Contract document. This cost is part of the cost to the client for the works and should be included in the overall cost of the works for the computation of the professional fees in accordance with clause 1(1) (b) in Part B of the Scale of Fees (Revised 1998).*

*However, where costs involved are contingency items, only their actual costs incurred should be included in the overall cost of the works."*


3. Lembaga Jurutera Malaysia ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri /Dato'/tuan/puan kepada pewartaan *Scale of Fees (Revised 1998) P.U.(B)548*. Dokumen ini boleh dimuatturun dari laman web [www.bem.org.my](http://www.bem.org.my)

4. Untuk makluman, dokumen *Scale of Fees (Revised 1998)* telah digunapakai oleh Kementerian Kewangan sejak 1 Jun 2005 bagi pengiraan kos perkhidmatan perunding bidang kejuruteraan. Satu salinan surat Kementerian Kewangan bilangan S(K&B)(8.09)735/9-24 Jld 8 (4) bertarikh 19 Mei 2005 disertakan.

5. Sehubungan dengan itu, Lembaga Jurutera Malaysia mohon kerjasama jabatan / organisasi YBhg. Tan Sri /Dato'/tuan/puan supaya menggunapakai *Scale of Fees (Revised 1998)* bagi pengiraan kos perkhidmatan jurutera perunding dalam melaksanakan projek-projek kerajaan.

Sekian dimaklumkan.

Yang benar,

  
(Ir. HIZAMUL-DIN BIN AB. RAHMAN)  
Pendaftar  
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA



**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
(Ministry of Finance Malaysia)  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
PRECINT 2  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 3000  
Cabel : TREASURY, KL  
Telex : FEDTRY MA 32369  
Fax :  
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : S(K&B)(8.09)735/

Tarikh : 9-24 Jld 8 (4)  
19 Mei 2005

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan,  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan.**

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**Permohonan Penggunaan Skala Fi Baru Bidang Kejuruteraan Bagi Projek-Projek Fizikal Kerajaan.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan Skala Fi baru bagi pengiraan kos perkhidmatan perunding bidang Kejuruteraan seperti berikut:-

	Skala Fi yang dibatalkan	Skala Fi yang baru
i.	Skala Fi 1983 (Kejuruteraan)	Skala Fi (Revised 1998)P.U.(B)548 (Kejuruteraan)

3. Skala Fi yang baru ini berkuatkuasa mulai tarikh **1 Jun 2005** dan terpakai bagi perlantikan baru yang dilaksanakan mulai tarikh tersebut. Naskah Skala Fi (Revised 1998)P.U.(B)548 (Kejuruteraan) ini boleh diperolehi dari pejabat Lembaga Jurutera Malaysia beralamat di Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin,

LEMBAGA JURUTERA  
MALAYSIA  
13 JUN 2005  
TERIMA


( Sila nyatakan rujukan Bahagian ini apabila berhubung )

50580 Kuala Lumpur (Tel: 03 26982413/ 03 26912090 ) atau melalui laman web  
www.bem.org.my

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(ZALEKHA HASSAN)**

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia.